

NAMA:

TING:

LATIHAN OBJEKTIF : PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD

BAB
5

PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer

MESTI BACA

1. Syarikat berhad merupakan milikan perniagaan yang ditubuhkan oleh sekumpulan individu yang tanggungannya terhadap kepada jumlah modal yang dilaburkan sahaja.
2. Penubuhan dan pengawalan syarikat berhad tertakluk di bawah Akta Syarikat 2016.
3. Prosedur penubuhan syarikat berhad lebih rumit dan melibatkan pelbagai jenis dokumen.

Perlembagaan Syarikat

1. Perlembagaan Syarikat merupakan dokumen yang mengikat syarikat, pengarah, dan pemegang syer.
2. Jika syarikat tidak mewujudkan Perlembagaan Syarikat, sebarang perselisihan yang berlaku perlu diselesaikan menurut Akta Syarikat 2016.
3. Kandungan Perlembagaan Syarikat:
(a) tujuan penubuhan syarikat
(b) kuasa dan tanggungjawab lembaga pengarah;
(c) cara pembayaran dividen
(d) segala pengurusan dan pentadbiran syarikat

Ciri-ciri Syarikat Berhad

1. Liabiliti perniagaan terhadap
2. Entiti berasingan
3. Matlamat adalah untuk mendapat keuntungan maksimum
4. Hayat berterusan
5. Dasar dan hala tuju syarikat ditentukan oleh ahli Lembaga Pengarah

PILIHAN JAWAPAN

1. terhadap sekumpulan modal milikan

JAWAB

1. Syarikat berhad merupakan _____ perniagaan yang ditubuhkan oleh _____ individu yang tanggungannya _____ kepada jumlah _____ yang dilaburkan sahaja.
2. Penubuhan dan pengawalan syarikat berhad tertakluk di bawah _____.
3. Pernyataan manakah yang **tidak** benar mengenai ciri syarikat berhad?
A Entiti berasingan
B Hayat yang berterusan
C Liabiliti yang terhadap
D Dasar dan hala tuju syarikat ditentukan oleh pemilik syarikat
4. Antara yang berikut, manakah yang merupakan ciri-ciri syarikat berhad?
I Syarikat mempunyai taraf perundangan sendirinya yang terpisah daripada pemiliknya
II Dasar syarikat berhad ditentukan oleh pemegang saham
III Hayat perniagaan berterusan
IV Fungsi pemilikan berbeza dengan fungsi pengurusan
A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV
5. Apakah dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer?
A Akta Syarikat 2016
B Perlembagaan Syarikat
C Prospektus syarikat
D Ikatan perjanjian syarikat
6. Pernyataan manakah yang benar tentang ciri syarikat berhad?
A Entiti berasingan
B Hayat tidak berterusan
C Liabiliti tidak terhadap
D Dasar dan hala tuju syarikat ditentukan oleh pemegang syer
7. Perkara manakah yang tidak terkandung dalam Perlembagaan Syarikat?
A Cara pembayaran dividen
B Tujuan penubuhan syarikat
C Prosedur penamatan pekerja
D Kuasa dan tanggungjawab lembaga pengarah

Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer

MESTI BACA

Jenis-jenis Syarikat Berhad

1. Syarikat berhad terbahagi kepada dua jenis, iaitu:
(a) syarikat sendirian berhad;
(b) syarikat awam berhad.
2. Bilangan ahli syarikat sendirian berhad 2 hingga 50 orang manakala syarikat awam berhad mempunyai ahli 2 hingga tiada had maksimum.
3. Syer syarikat sendirian berhad ditawarkan hanya kepada orang persendirian tetapi syer keutamaan ditawarkan kepada orang awam.
4. Harga syer syarikat awam berhad disenaraikan dan diniagakan di Bursa Saham sahaja.
5. Hanya laporan kewangan syarikat awam berhad perlu disiarkan kepada orang awam.

JAWAB

1. Antara yang berikut, manakah yang merupakan ciri syarikat awam berhad?
I Notis mesyuarat agung perlu diumumkan kepada orang awam
II Syer syarikat disenaraikan di bursa saham
III Bilangan pemegang syer terdiri daripada 2 hingga 50 orang
IV Pindah milik syer adalah terkawal dengan persetujuan pemegang syer lain
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
2. Pernyataan manakah yang tidak berkaitan dengan Syarikat Bekalan Air Sendirian Berhad?
A Minimum dua orang pengarah
B Pemilikan syer terbuka kepada individu, persatuan dan entiti perniagaan
C Syer tidak diurus niaga di Bursa Malaysia
D Penyata Kewangan perlu diedar kepada pemegang syer
3. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sebuah syarikat berhad.

PETRONAS

Pernyataan manakah yang tidak benar mengenai syarikat tersebut?

- A Minimum seorang dan maksimum 50 orang ahli
 - B Penyata kewangan perlu dibentang di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat
 - C Syer disenaraikan di Bursa Malaysia
 - D Minimum dua orang pengarah
4. Pernyataan manakah yang betul tentang perbezaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad?

	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
A	Bilangan ahli 2 orang hingga tiada had maksimum	Bilangan ahli 2 orang hingga 50 orang
B	Harga syer disenaraikan dan diniagakan di Bursa Saham	Harga syer tidak disenaraikan dan diniagakan di Bursa Saham
C	Syer syarikat ditawarkan kepada orang awam	Syer syarikat ditawarkan kepada orang persendirian
D	Laporan kewangan tidak perlu disiarkan kepada orang awam	Laporan kewangan perlu disiarkan kepada orang awam